



JABATAN MUFTI NEGERI PERLIS

KESILAPAN DAN SALAH FAHAM DALAM IBADAH KORBAN

**PROF. DATO' ARIF PERKASA DR.
MOHD ASRI BIN ZAINUL ABIDIN**

**SUMBANGAN
MAIPs**

JABATAN MUFTI NEGERI PERLIS

KESILAPAN DAN SALAH FAHAM DALAM IBADAH KORBAN

**PROF. DATO' ARIF PERKASA DR.
MOHD ASRI BIN ZAINUL ABIDIN**

Kesilapan dan Salah Faham dalam Ibadah Korban

© Prof. Dato' Arif Perkasa Dr. Mohd Asri bin Zainul Abidin 2020

Hak penerbitan oleh Jabatan Mufti Negeri Perlis

Cetakan Pertama 2021

Cetakan Kedua 2024

ISBN 978-629-97076-3-9

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengulang cetak mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa-apa jua bentuk sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain, sebelum mendapat izin secara bertulis daripada SS Mufti, Jabatan Mufti Negeri Perlis.

Atur huruf, reka letak dan percetakan oleh:

GLOBAL SMART PRINTINGS SDN. BHD. (973382-T)

A-G 19&20, Jalan UP 1/1A,

Spring Ville, Taman Ukay Perdana,

68000 Ampang Jaya, Selangor.

Tel: 012-232 1344

E-mel: globalsmartprint@gmail.com

Diterbitkan oleh:

JABATAN MUFTI NEGERI PERLIS,

Tingkat 1, Blok A, Bangunan Dato' Mahmud Mat,

01000 Kangar, Perlis.

Tel: 04-979 4428

Faks: 04-976 3844

Isi Kandungan

<i>Aluan Penulis</i>	<i>v</i>
<i>Titah Perutusan DYTM Tuanku Yang Dipertua MAIPs</i>	<i>vii</i>
KESILAPAN DAN SALAH FAHAM DALAM IBADAH KORBAN	1
1. Menjadikan Daging Korban Sebagai Upah Kerja	2
2. Mengambil Daging Korban Tanpa Izin	7
3. Menguruskan Sembelihan dengan Cara yang Kejam Tanpa Ihsan kepada Haiwan Sembelihan	10
4. Menggunakan Harta Orang Ramai untuk Korban	13
5. Berkongsi Binatang Korban Lebih dari Jumlah yang Diizinkan	16
6. Melakukan Korban dari Sumber yang Haram	18
7. Menganggap Tidak Sah Sembelihan yang Tidak Menyebut Nama Pembuat Korban	19
<i>Penutup</i>	<i>23</i>

Aluan Penulis

الحمد لله، نحمده ونستعينه، ونستغفره، ونعوذ بالله من شرور أنفسنا، ومن سيئات أعمالنا، من يهده الله فلا مضلّ له، ومن يضلّل فلا هادي له، وأشهد أن لا إله إلا الله وحده لا شريك له، وأشهد أن محمدا عبده ورسوله، أما بعد:

Risalah ringkas ini merupakan himpunan beberapa kesilapan yang sering berlaku di musim ibadah korban (udhiyah). Kita tahu ibadah korban dilaksanakan pada 10, 11, 12 dan 13 Zulhijjah. Namun, sebelum hari-hari tersebut lagi, beberapa persiapan dibuat lebih awal dari sudut pembelian dan perancangan dalam menguruskan daging sembelihan tersebut. Sepanjang pemerhatian, di samping banyak urusan korban yang memang mengikut hukum-hakam syarak, terdapat juga beberapa kesilapan yang wajar diperbetulkan sebelum, semasa dan selepas proses korban itu berlaku.

Sebenarnya, terdapat banyak kesilapan yang berlaku dalam kalangan umat Islam semasa perlaksanaan apa-apa ibadah termasuk ibadah korban. Ini kerana ibadah-ibadah yang ALLAH SWT syariatkan itu dilakukan oleh ramai orang dan setiap individu mempunyai latar yang tersendiri.

Ada yang terpelajar, ada yang hanya mengikut, ada pula yang melakukan tanpa panduan. Maka kesilapan boleh berlaku disebabkan pengaruh setempat, adat, kekurangan pengetahuan, kepentingan tertentu dan seumpamanya. Bagaimanapun, dalam risalah ringkas ini, hanya disebutkan beberapa kesilapan yang pada pemerhatian penulis sering berlaku dalam masyarakat kita khususnya di Malaysia. Sebahagian dari kesilapan itu dikesan melalui persoalan dan aduan masyarakat awam. Maka, risalah ini diharapkan dapat dijadikan semakan setiap kali menjelang musim ibadah korban.

Mudah-mudahan sumbangan kecil ini menolong orang ramai memahami perkara-perkara yang dibincangkan. Juga semoga ia dapat membantu guru-guru agama memberikan penerangan kepada orang awam.

Marilah kita juga berdoa agar ALLAH merahmati MAIPs atas sumbangan yang membolehkan buku ini diedarkan secara percuma.


Akhirnya, sebagai penulis, saya memohon jasa baik para pembaca mendoakan saya semasa hidup dan selepas saya mati. Mudah-mudahan dapatlah risalah ini menjadi salah satu amalan baik saya di akhirat kelak.

Sekian,

Mohd Asri bin Zainul Abidin



**TITAH PERUTUSAN
DYTM TUANKU RAJA MUDA PERLIS MERANGKAP
YANG DIPERTUA MAJLIS AGAMA ISLAM DAN
ADAT ISTIADAT MELAYU PERLIS (MAIPs)**



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Segala pujian hanya bagi Allah SWT, selawat serta salam buat junjungan besar Nabi Muhammad SAW, para sahabat dan pengikut Baginda.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, Beta diberi kesempatan untuk menyampaikan Titah Perutusan di dalam buku bertajuk 'Kesilapan Dan Salah Faham Dalam Ibadah Korban' ini.

Sukacita Beta mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Jabatan Mufti Negeri Perlis di atas usaha menerbitkan buku 'Kesilapan Dan Salah Faham Dalam Ibadah Korban' ini yang boleh menjadi medium penjelasan serta panduan yang terperinci kepada masyarakat Islam mengenai persoalan-persoalan berkaitan ibadah korban bagi memastikan ibadah yang dilakukan diterima oleh Allah SWT.

Beta menyeru masyarakat Islam amnya, agar memastikan amalan yang mereka lakukan bertepatan dengan sunnah Nabi SAW dengan merujuk kepada pihak yang mempunyai ilmu yang jelas. Hal ini kerana melakukan sesuatu ibadah bertepatan dengan sunnah Nabi SAW menjamin keberuntungan kita di dunia dan di akhirat.

Akhir titah, Beta doakan agar buku ini dapat memberi faedah kepada segenap lapisan masyarakat dan mendapat keberkatan daripada Allah SWT.

Amin Ya Rabbal 'Alamin.

Sekian, Wassalam.

**DYTM TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA
IBNI TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL,
D.K., S.P.M.P., P.A.T
RAJA MUDA PERLIS**
Termaktub di Istana Arau,
Arau, Perlis, Malaysia.

Tarikh: 10hb Februari 2021

DYTM RAJA MUDA PERLIS
Istana Arau, 02600 Arau, Perlis, Malaysia,

KESILAPAN DAN SALAH FAHAM DALAM IBADAH KORBAN

Prof. Dato' Arif Perkasa
Dr. Mohd Asri bin Zainul Abidin

Menyembelih haiwan korban pada hari-hari raya Adha (10–13 Zulhijjah) adalah satu ibadah kepada ALLAH SWT bagi sesiapa yang memiliki kemampuan melakukannya. Ia adalah sunnah yang telah ditunjukkan oleh Nabi s.a.w. Kita tahu bahawa setiap ibadah mempunyai cara dan peraturannya. Dalam menunaikan ibadah, bukan sahaja memerlukan niat yang ikhlas, tapi disyaratkan juga cara yang sah.

Dalam ibadah korban, bukan sahaja membabitkan diri yang berniat melakukan ibadah tersebut, sebaliknya beberapa pihak lain juga terlibat. Ini kerana untuk membolehkan terlaksananya ibadah korban, ia membabitkan diri yang berkorban, haiwan yang dikorbankan, pihak yang mendapat bahagian dari daging korban tersebut dan mungkin juga terdapat pihak lain yang membantu dalam menguruskan urusan korban itu. Maka daerah penglibatan hukum-hakam korban bukan sahaja termasuk diri yang melakukan ibadah tersebut, kemungkinan juga membabitkan pihak lain atau hukum-hakam syarak yang timbul berkaitan pihak lain.

Justeru, sepertimana ibadah-ibadah yang lain, sering terdapat kesilapan atau salah faham dalam pelaksanaannya yang dilakukan oleh masyarakat kita. Menjadi tanggungjawab bersama untuk kita saling mengingatkan antara satu sama lain tentang hal-hal yang mungkin kita terlepas pandang atau tersilap berkaitan ibadah-ibadah yang dilakukan itu.

Maka, untuk memastikan ibadah korban ini dilaksanakan dengan baik, di bawah ini disenaraikan beberapa kesilapan dan salah faham dalam ibadah korban untuk sama-sama dielakkan:

1. Menjadikan Daging Korban Sebagai Upah Kerja

- a. Menjadikan daging sembelihan korban (udhiyah) sebagai upah kepada mereka yang terbabit menjalankan kerja-kerja korban seperti tukang sembelih, tukang lapah dan lainnya bererti menjual daging membeli tenaga kerja.

Larangan memberikan daging atau bahagian lain dari haiwan korban sebagai upah kerja kepada penyembelih adalah termaktub dalam hadis-hadis yang sahih yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim. Daripada 'Ali bin Abi Talib r.a., katanya:



أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَمَرَهُ أَنْ يَقُومَ عَلَى
بُذْنِهِ، وَأَنْ يَقْسِمَ بُذْنَهُ كُلَّهَا، لُحُومَهَا وَجُلُودَهَا
وَجِلَالَهَا، وَلَا يُعْطِيَ فِي جِرَارَتِهَا شَيْئًا.

“Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. telah memerintahkan aku menyembelih unta-untanya (sembelihan ketika haji). Baginda memerintahkan agar aku membahagikan kesemuanya; daging, kulit dan apa yang menutupi belakang unta-unta itu (seperti pelana dan seumpamanya). Baginda juga memerintahkan agar aku tidak memberikan kepada jazzar (penyembelih dan pelapah) sedikit pun darinya.”

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Di dalam riwayat al-Imam Muslim ditambah dengan ucapan Saidina ‘Ali:

نَحْنُ نُعْطِيهِ مِنْ عِنْدَنَا

“Kami memberikan kepada penyembelih dan pelapah upah daripada (harta) kami sendiri”.

- b. Sebabnya, daging korban tidak boleh dijual oleh pembuat korban, sama ada dengan cara tukaran wang atau tukaran tenaga kerja. Apa sahaja transaksi yang membawa erti ‘menjual binatang yang telah dikorbankan’ untuk mendapatkan wang atau tenaga kerja atau selainnya, adalah dilarang.

Para fuqaha (sarjana fekah) telah bersependapat bahawa adalah haram hukumnya daging sembelihan

korban (al-Udhiyah) itu dijual. Kata Ibn Rusyd di dalam *Bidayah al-Mujtahid*: “Pada pengetahuanku para ulama telah sepakat bahawa tidak diharuskan menjual daging korban.” (1/703, Beirut: Dar al-Khair)

- c. Walaupun ramai yang tahu bahawa menjual daging korban oleh pembuat korban itu dilarang, namun ada yang terlupa bahawa syarak juga menetapkan bahawa memberi daging korban kepada penyembelih atau pelapah sebagai upah hasil kerja yang mereka lakukan adalah termasuk juga dalam hukum jual beli. Iaitu menjual daging untuk membeli tenaga kerja. Demikian termasuk dalam larangan ini ialah memberikan bahagian korban kepada sesiapa sahaja yang terlibat dalam pengurusan korban atas dasar upah atas kerja yang dilakukannya.
- d. Al-Imam al-San‘ani ketika mengulas hadis di atas dalam kitabnya *Subul al-Salam*, beliau berkata: “Hadis ini menunjukkan bahawa disedekahkan kulit dan apa yang menutupi binatang korban sepertimana disedekahkan dagingnya. Ianya tidak boleh diberikan kepada penyembelih atau pelapah sedikit pun darinya. Ini kerana termasuk dalam hukum jualan disebabkan kedudukannya sebagai upah. Hukum sembelihan korban sama juga dengan hukum sembelih haji di mana daging dan kulitnya tidak boleh dijual juga tidak boleh diberikan kepada penyembelih dan pelapah sedikit pun daripadanya. (4/148. Beirut: Dar al-Ma‘rifah)
- e. Dengan hadis di atas jelas bahawa dilarang sesiapa yang melakukan korban memberikan daging atau apa-apa

bahagian yang boleh dimanfaatkan dari binatang korban kepada penyembelih atau pelapah sebagai upah, seperti memberi daging atau kulit atau apa yang ada di belakang binatang tersebut seperti pelana dan lain-lainnya. Justeru, al-Imam al-Nawawi dalam *Syarh Sahih Muslim* mengkritik pendapat Hasan al-Basri yang membenarkan diberikan kulit kepada penyembelih atau pelapah. Al-Imam al-Nawawi terus mengulas ringkas pendapat ini dengan katanya: “Pendapat ini telah mencampakkan (membelakangi) sunnah.” (9/435 Beirut: Dar al-Khair)

- f. Al-Imam al-Nawawi dalam kitabnya yang lain iaitu *al-Majmu'* sekali lagi menegaskan pendirian al-Mazhab al-Syafi'i, katanya: “Telah sepakat al-Imam al-Syafi'i dan tokoh-tokoh mazhab al-Syafi'i bahawa tidak boleh sedikit pun dari sembelihan semasa haji dan umrah dan sembelihan korban dijual. Sama ada ia korban nazar atau sunat. Ini termasuk daging, lemak, kulit, tanduk, bulu dan sebagainya. Tidak boleh pula kulit atau selainnya dijadikan upah untuk penyembelih.” (8/419–420. Beirut: Dar al-Fikr)
- g. Mungkin akan timbul persoalan apakah para petugas sembelihan tidak memperolehi apa-apa ganjaran dari kerja yang mereka lakukan? Kita perlu jelas bahawa hadis-hadis tersebut bukan melarang memberikan upah kepada para penyembelih atau pelapah. Larangan dalam hadis-hadis berkenaan hanya jika upah itu diambil dari bahagian korban. Adapun jika upah itu berbentuk wang atau selainnya yang tidak dari bahagian korban maka itu adalah tidak termasuk dalam larangan, bahkan adalah sepatutnya kerja dan

tenaga seseorang itu dibayar upah. Sebab itu dalam riwayat tambahan al-Imam Muslim yang disebutkan tadi, Saidina 'Ali r.a. menyebut: "Kami memberikan kepada penyembelih atau pelapah dari harta kami sendiri." Ertinya mereka akan tetap mendapat ganjaran dari hasil kerja mereka melalui upah yang diberi dari wang atau sebagainya tetapi bukan upah itu diambil dari bahagian korban. Inilah cara yang betul dalam mengupah petugas korban.

- h. Walau bagaimanapun pemberian kepada penyembelih dari bahagian korban dibolehkan sekiranya ia diberikan bukan di atas dasar upah. Perkara ini dapat diukur dengan diandaikan sekiranya penyembelih atau pelapah tidak melakukan kerja-kerja tersebut pun sememangnya bahagian tersebut ingin diberikan kepadanya. Sebaliknya diandaikan jika tidak kerana kerja yang dilakukan maka sudah tentu dia tidak memperolehi bahagian tersebut, maka ini dianggap sebagai upah. Ia merosakkan korban. Kata Wahbah al-Zuhaili dalam *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*: "Jika diberi kepada penyembelih dari apa yang dikorban disebabkan kefakirannya atau sebagai hadiah maka ini tidak mengapa." (3/633. Damsyik: Dar al-Fikr)

Ertinya, dibolehkan memberikan kepada penyembelih atau pelapah atau sesiapa yang bekerja untuk urusan korban atas sebab kemiskinan atau persahabatan yang sekiranya tanpa kerja yang telah dilakukan pun dia tetap akan diberikan. Dalam contoh yang lain, diberikan upah wang terlebih dahulu kepada penyembelih atau pelapah atau petugas.

Kemudian ketika dibahagi-bahagikan daging kepada orang ramai, maka turut diberikan kepada penyembelih atau pelapah atas dasar pemberian biasa seperti orang lain yang hadir. Perkara seperti ini tentulah dibolehkan kerana pemberian itu tidak lagi di atas dasar upah dari bahagian korban kerana upah yang sebenar telah mereka perolehi.

Kata al-Syaukani dalam *Nail al-Autar* bahawa diriwayatkan daripada Ibn Khuzaimah dan al-Baghawi bahawa dibolehkan memberi bahagian korban kepada penyembelih jika dia adalah seorang yang fakir dan setelah diberi kepadanya upah yang lain (selain dari bahagian korban). (5/221. Beirut: Dar al-Jil)

2. Mengambil Daging Korban Tanpa Izin

- a. Daging korban adalah milik pembuat korban, bukan milik masjid, surau dan seumpamanya. Pihak pengurusan masjid, surau atau pihak penganjur majlis ibadah korban dilarang bertindak sesuka hati mengagihkan daging korban kepada sesiapa sahaja tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada pemilik sebenar daging korban.



قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَنْ ضَحَّى مِنْكُمْ
فَلَا يُصْبِحَنَّ بَعْدَ ثَالِثَةِ وَبَقِيَ فِي بَيْتِهِ مِنْهُ شَيْءٌ فَلَمَّا
كَانَ الْعَامُ الْمُقْبِلُ، قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ، نَفْعَلُ كَمَا

فَعَلْنَا غَافِلِينَ؟ قَالَ: كُلُوا وَأَطِيعُوا وَأَدِّخِرُوا، فَإِنَّ ذَلِكَ الْعَامَ كَانَ بِالتَّائِسِ جَهْدٌ، فَأَرَدْتُ أَنْ تُعِينُوا فِيهَا.

Sabda Nabi s.a.w.: “Sesiapa dalam kalangan kamu yang menyembelih korban, maka jangan sehingga tiga hari masih berbaki di rumahnya walaupun sedikit daging.” Apabila tahun berikutnya para sahabat bertanya: “Wahai Rasulullah, apakah kami kena lakukan seperti tahun lepas (tidak boleh simpan daging lebih dari tiga hari)?” Sabda Nabi: “Sila makan, jamu orang lain dan simpanlah. Sesungguhnya tahun lepas orang ramai dalam kesusahan (kekurangan makanan) maka aku ketika itu mahu kamu menolong mereka.”

(Riwayat al-Bukhari)

Hadis di atas menunjukkan, orang yang melakukan korban berhak dalam menentukan daging korbannya sama ada mahu memakan, atau memberikan kepada sesiapa atau menyimpannya.

- b. Mengambil daging korban orang lain tanpa terlebih dahulu diizinkan oleh empunya yang berniat dan membelanja harta untuk korban tersebut adalah haram. Hal ini biasanya terjadi di tempat di mana daging korban sedang dilapah dan dibahagikan. Terdapat mereka yang sanggup mengambil daging terutama bahagian-bahagian yang mereka suka tanpa terlebih dahulu mendapat keizinan

daripada empunya korban. Ini sama dengan mencuri harta orang lain.

- c. Dalam hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim, seorang yang menyertai misi jihad bersama Rasulullah s.a.w. telah dibunuh. Orang ramai mengucapkan tahniah kerana beliau telah mati syahid (martyrdom). Namun Nabi s.a.w. menyebut:



كَلَّا وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ إِنَّ الشَّمْلَةَ الَّتِي أَخَذَهَا
يَوْمَ خَيْبَرَ مِنَ الْمَغَانِمِ، لَمْ تُصِبْهَا الْمَقَاسِمُ، لَتَشْتَعِلَ
عَلَيْهِ نَارًا.

“Tidak! Sesungguhnya selendang dari harta rampasan perang yang dia ambil pada hari Peperangan Khaibar tanpa pembahagian (yang betul) sedang menyalakan api neraka ke atasnya.”



Demikian, orang yang mati syahid memasuki neraka kerana mengambil secara haram pembahagian harta rampasan perang. Bagaimana dengan mereka yang mengambil daging korban pihak lain tanpa keizinan terlebih dahulu. Sehingga terjadi, orang yang melakukan korban tidak memperolehi daging korbannya untuk dia tentukan sama ada mahu memakan, menyimpan atau memberikan kepada pihak lain.

- d. Jika pihak yang melakukan korban itu telah mengizinkan daging korbannya diambil oleh sesiapa sahaja, maka sesiapa yang hadir boleh mengambilnya. Jika dia menentukan seperti anak yatim, atau pelajar, atau orang miskin, atau golongan tertentu, maka hanya mereka halal mengambilnya. Sesiapa yang mengambilnya sedangkan dia tidak termasuk dalam kelompok yang diberikan oleh pembuat korban, maka dia sebenarnya memakan atau mengambil sesuatu yang haram baginya. Firman ALLAH SWT:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ
بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ﴾ [النِّسَاء : ٢٩]

“Wahai orang-orang yang beriman, jangan kamu makan harta kamu antara kamu dengan cara yang batil (salah).”

(Surah al-Nisa’ : 29)

3. Menguruskan Sembelihan dengan Cara yang Kejam Tanpa Ihsan kepada Haiwan Sembelihan

- a. Ini biasanya terjadi ketika proses merebahkan haiwan, pisau yang digunakan dan meletakkan haiwan dalam ketakutan. Sifat ihsan atau simpati diwajibkan ke atas kita ketika menguruskan haiwan sembelihan terutamanya korban yang merupakan ibadah kepada ALLAH. Rasulullah s.a.w. bersabda:



إِنَّ اللَّهَ كَتَبَ الْإِحْسَانَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ. فَإِذَا قَتَلْتُمْ
فَأَحْسِنُوا الْقِتْلَةَ، وَإِذَا ذَبَحْتُمْ فَأَحْسِنُوا الذَّبْحَةَ،
وَلْيُحِدْ أَحَدُكُمْ شَفْرَتَهُ، وَلْيُرِخْ ذَبِيحَتَهُ.

“Sesungguhnya Allah menulis (mewajibkan) ihsan ke atas segala sesuatu. Apabila kamu mahu membunuh (dengan alasan yang sah), maka perelokkanlah pembunuhan itu. Apabila kamu mahu menyembelih, maka perelokkanlah penyembelihan itu, dan hendaklah kamu menajamkan mata pisau dan hendaklah dia merehatkan (menyenangkan) haiwan sembelihannya itu.”

(Hadis riwayat Muslim)



- b. Berdasarkan hadis di atas, memastikan pisau benar-benar tajam, haiwan yang diuruskan dengan tenang merupakan sebahagian dari tuntutan ihsan.
- c. Antara perbuatan yang menafikan sifat ihsan ialah mengasah pisau atau menyembelih binatang korban di hadapan binatang korban yang sedang menunggu giliran untuk disembelih.

Dalam riwayat al-Hakim dalam *al-Mustadrak*, daripada Ibn ‘Abbas r.a.:



أَنَّ رَجُلًا أَضْجَعَ شَاةً يُرِيدُ أَنْ يَذْبَحَهَا وَهُوَ يَحْدُ شَفْرَتَهُ
فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «أَتُرِيدُ أَنْ تُمِيتَهَا
مَوْتَاتٍ؟ هَلْ حَدَدْتَ شَفْرَتَكَ قَبْلَ أَنْ تُضْجِعَهَا؟»

Bahawa seorang lelaki membaringkan biri-biri yang dia hendak menyembelihnya, di samping ketika itu dia menajamkan mata pisaunya. Maka Nabi s.a.w, bersabda: *“Apakah engkau mahu membunuhnya beberapa kali? Mengapakah tidak engkau tajamkan mata pisaumu sebelum engkau membaringkannya?”*

(Hadis riwayat al-Hakim, dia menyatakan sahih dan disetujui oleh al-Zahabi)



- d. Hadis-hadis ini dan selainnya menunjukkan kepada kita bahawa pentingnya adab ataupun akhlak dengan haiwan sembelihan. Jangan kita menyeksa haiwan sembelihan dengan kekasaran dan tekanan terhadap haiwan terutama ketika proses membaringkannya. Islam mengajar kesantunan hidup sekalipun terhadap haiwan. Itulah agama rahmat untuk semua yang diturunkan oleh Tuhan sekalian alam. Jika kita mengendalikan haiwan sembelihan dengan cara yang kasar dan menakutkan, maka pasti itu bukan ajaran dari sunnah Nabi s.a.w.

4. Menggunakan Harta Orang Ramai Untuk Korban

- a. Pensyariatan ibadah korban adalah ditujukan ke atas individu. Hukumnya adalah sunat yang dituntut bagi sesiapa yang memiliki kemampuan melakukannya. Mereka yang tidak berkemampuan, tidak perlu bimbang dengan hal ini.
- b. Ibadah korban tidak terlaksana dari haiwan korban yang berupa harta kerajaan, institusi tertentu, badan-badan korporat atau tabung orang ramai dan seumpamanya, melainkan jika haiwan korban itu dari wang individu tertentu sama ada individu dari dalam kerajaan, syarikat atau seumpamanya. Adapun mengambil harta awam atau pihak lain yang tidak dikhususkan untuk ibadah korban, maka itu menyalahi pensyariatan korban.
- c. Malangnya, kadangkala terdapat pihak yang mengambil wang persatuan, atau masjid, atau kerajaan atau mana-mana wang orang ramai untuk membeli binatang korban. Padahal wang itu bukan milik mereka dan bukan tujuan asalnya dikumpulkan untuk melakukan korban. Mereka melakukan hal tersebut tanpa mendapat persetujuan daripada ahli ataupun penyumbang wang berkenaan. Jika pun mendapat persetujuan, seekor unta atau lembu hanya dikongsi seramai tujuh orang sahaja, sementara kambing untuk seorang.
- d. Hal ini juga berlaku kadang-kala apabila terdapat pimpinan persatuan, ataupun AJK masjid ingin bersaing melakukan korban pada musim ini sedangkan mereka tidak mampu

atau tidak mahu menggunakan wang individu. Demikian juga kadang-kala apabila pemegang jawatan dalam kerajaan mengambil kesempatan politik memberikan kepada masjid ataupun orang ramai haiwan atau wang untuk korban dengan tujuan mengambil hati pengundi ataupun rakyat. Malangnya, wang tersebut bukan milik peribadi beliau, sebaliknya peruntukan kerajaan untuk urusan-urusan bantuan lain. Ini semua bukanlah korban yang diterima. Sebaliknya, mana-mana pihak pengurusan wang atau harta pihak lain yang mengambil wang tersebut untuk bukan tujuan asalnya maka itu merupakan satu pengkhianatan.

- e. Ulil Amri boleh melakukan korban dengan belanja hartanya untuk dirinya dan untuk rakyat di bawah pemerintahannya atau dikhususkan untuk rakyat yang tidak melakukan ibadah korban. Nabi s.a.w. pernah menyembelih korban untuk baginda, ahli keluarga dan umat baginda. Ini seperti dalam hadis:



عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ: شَهِدْتُ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْأَضْحَى بِالْمُصَلَّى، فَلَمَّا قَضَى خُطْبَتَهُ نَزَلَ مِنْ مِنْبَرِهِ وَأَتَى بِكَبْشٍ فَذَبَحَهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِيَدِهِ، وَقَالَ: «بِسْمِ اللَّهِ، وَاللَّهُ أَكْبَرُ، هَذَا عَنِّي، وَعَمَّنْ لَمْ يُصَحَّ مِنْ أُمَّتِي».

Daripada Jabir bin 'Abd Allah, beliau berkata: *"Aku menyaksikan pelaksanaan korban bersama Rasulullah s.a.w. di musolla (lapangan solat hari raya). Apabila baginda selesai khutbah, baginda turun dari mimbar, lalu dibawa kepada baginda seekor biri-biri. Maka, baginda menyembelihnya dengan tangan baginda dengan menyebut: "Dengan nama Allah, Allah Maha Besar. Ini daripadaku dan daripada sesiapa yang tidak melakukan korban dari kalangan umatku."*

(Riwayat Abu Daud, al-Tirmizi, Ibn Majah dan lain-lain, -sahih-)



- f. Dalam kalangan fuqaha khususnya dalam Mazhab al-Syafi'i ada yang menyebut khalifah boleh menggunakan peruntukan dari Baitulmal bagi melakukan korban untuk rakyatnya.

Pendapat ini dikeluarkan oleh al-Imam al-Mawardi (meninggal 450H) dalam kitabnya *al-Hawi al-Kabir* (lihat: 15/125. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah). Al-Imam al-Nawawi (meninggal 676H) dalam kitabnya *al-Majmu'*, ketika memetik pendapat ini menyatakan: "Al-Mawardi telah menyebut bahawa digalakkan bagi imam (khalifah) melakukan korban untuk seluruh kaum muslimin dari (peruntukan) Baitulmal dengan seekor unta di tempat solat (lapangan solat hari raya). Jika tiada keupayaan, maka seekor kambing. Dia (khalifah) melakukan sendiri sembelihan tersebut. Jika dia melakukan korban dari

hartanya sendiri maka dia boleh melakukan di mana sahaja yang dia suka. Ini perkataan beliau (al-Mawardi)” (8/425. Beirut: Dar al-Fikr).

Kata al-Damiri (meninggal 808H) dalam *Syarh al-Minhaj*: “Tidak boleh melakukan korban untuk orang lain tanpa izinnya. Ini kerana ia merupakan ibadah. Syarak tidak mengizinkan untuk dilakukan bagi pihak orang lain. Namun, dikecualikan dari hal tersebut untuk imam (khalifah). Dia (khalifah) boleh melakukan korban untuk kaum muslimin dari (peruntukan) Baitulmal (9/522. Jeddah: Dar al-Minhaj).

5. Berkongsi Binatang Korban Lebih dari Jumlah yang Diizinkan

- a. Berkongsi melakukan korban seekor kambing atau satu bahagian (1/7) lembu atau unta dengan dua individu atau lebih. Ini kerana seekor kambing atau satu bahagian (1/7) lembu atau unta hanya boleh dijadikan korban untuk seorang individu sahaja. Kadar ini telah ditetapkan oleh Rasulullah s.a.w. seperti yang termaktub dalam hadis:



عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ، قَالَ: نَحَرْنَا مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَامَ الْحُدَيْيَةِ الْبَدَنَةَ عَنْ سَبْعَةٍ، وَالْبَقَرَةَ عَنْ سَبْعَةٍ.

Daripada Jabir bin 'Abd Allah, beliau berkata:
Kami menyembelih korban bersama Rasulullah s.a.w. pada tahun Perjanjian Hudaibiyah. Seekor unta untuk tujuh (bahagian) dan seekor lembu untuk tujuh (bahagian).

(Riwayat Muslim)

- b. Satu bahagian hanyalah untuk seorang. Jika satu bahagian itu hasil dari duit kutipan atau tabung orang ramai maka itu bukanlah bahagian korban yang disyariatkan. Seekor lembu atau unta untuk tujuh bahagian. Seseorang boleh mengambil lebih dari satu bahagian, tetapi seekor lembu atau unta tidak dibolehkan untuk dikongsi lebih dari tujuh orang. Jika menggunakan tabung kutipan untuk korban yang diberikan oleh lebih dari tujuh orang, maka itu juga tidak dikira korban yang disyariatkan. Korban pula memerlukan niat untuk korban ketika wang itu diberikan.
- c. Adapun ketua keluarga boleh melakukan korban seekor kambing atau satu bahagian (1/7) lembu atau unta untuk dirinya dan seluruh keluarga yang di bawah tanggungannya. Ini seperti yang termaktub dalam hadis:

عَنِ عَطَاءِ بْنِ يَسَارٍ قَالَ: سَأَلْتُ أَبَا أَيُّوبَ الْأَنْصَارِيَّ
كَيْفَ كَانَتْ الصَّحَابَا عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ
عَلَيْهِ وَسَلَّمَ؟ فَقَالَ: كَانَ الرَّجُلُ يُضَحِّي بِالشَّاةِ عَنْهُ
وَعَنْ أَهْلِ بَيْتِهِ، فَيَأْكُلُونَ وَيُطْعَمُونَ.

Daripada ‘Ata’ bin Yasar, beliau berkata: *“Aku telah bertanya Abu Ayyub al-Ansari tentang bagaimana udhiyah (ibadah korban) pada zaman Rasulullah s.a.w.? Kata Abu Ayyub al-Ansari: “Pada masa itu (pelaksanaannya) seorang lelaki melakukan ibadah korban dengan seekor kambing untuk dirinya dan untuk ahli keluarganya. Mereka makan dan memberikan orang lain makan.”*

(Riwayat al-Tirmizi dan Ibn Majah. Al-Albani menilai hadis ini sebagai sahih)

6. Melakukan Korban dari Sumber yang Haram

- a. Korban merupakan ibadah kepada ALLAH SWT, maka tidak boleh melakukan korban dengan menggunakan hasil dari wang yang haram seperti hasil riba, hasil judi, mengambil hak orang lain dan seumpamanya. Ini kerana ALLAH SWT hanya menerima apa yang halal dan baik.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «إِنَّ اللَّهَ طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا.»

Daripada Abu Hurairah r.a., beliau berkata, Rasulullah s.a.w. bersabda: *“Allah itu baik, DIA tidak menerima melainkan yang baik.”*

(Riwayat Muslim)

- b. Terdapat golongan yang kononnya ingin membersihkan wang mereka, lalu mereka mengambil apa yang diperolehi dengan cara yang salah untuk dijadikan korban. Padahal, korban itu manifestasi mendekatkan diri kepada ALLAH SWT. Korban hendaklah datang dari harta yang terbaik seseorang. Rasulullah s.a.w. mengingatkan kita:

إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ لَا يَقْبَلُ صَلَاةَ بَغَيْرِ طَهْوٍ، وَلَا
صَدَقَةَ مِنْ غُلُولٍ.

“Sesungguhnya Allah ‘Azza wa Jalla tidak menerima solat tanpa bersuci, tidak menerima sedekah dari pengkhianatan (harta yang tidak amanah).

(Riwayat Muslim, al-Nasa’i, al-Tirmizi, Abu Daud dan Ibn Majah)

7. Menganggap Tidak Sah Sembelihan yang Tidak Menyebut Nama Pembuat Korban

- a. Sunnah penyembelih korban menyebut ketika sembelihan nama orang yang melakukan ibadah korban. Ini seperti menyebut: “Ya ALLAH terimalah daripada si fulan, dan si fulan...”. Ini pernah dilakukan oleh Nabi s.a.w. seperti hadis ‘Aishah r.ha:



عَنْ عَائِشَةَ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَمَرَ بِكَبْشٍ أَقْرَنَ يَطَأُ فِي سَوَادٍ، وَيَبْرُكُ فِي سَوَادٍ، وَيَنْظُرُ فِي سَوَادٍ، فَأُتِيَ بِهِ لِيُضَحِّيَ بِهِ، فَقَالَ لَهَا: «يَا عَائِشَةُ، هَلُمِّي الْمُدْيَةَ»، ثُمَّ قَالَ: «اشْحَذِيهَا بِحَجَرٍ»، فَقَعَلَتْ: ثُمَّ أَخَذَهَا، وَأَخَذَ الْكَبْشَ فَأَضْجَعَهُ، ثُمَّ دَبَحَهُ، ثُمَّ قَالَ: «بِاسْمِ اللَّهِ، اللَّهُمَّ تَقَبَّلْ مِنْ مُحَمَّدٍ، وَآلِ مُحَمَّدٍ، وَمِنْ أُمَّةِ مُحَمَّدٍ»، ثُمَّ ضَحَّى بِهِ.

Daripada 'Aishah, bahawa Rasulullah s.a.w. mengarahkan (untuk korban) seekor biri-biri bertanduk yang hitam kaki, perut dan sekitar matanya. Lalu kambing itu dibawa kepada baginda untuk dikorbankan. Sabda baginda: *"Wahai 'Aishah! Bawalah pisau."* Kemudian baginda bersabda: *"Asahlah (agar tajam) ia dengan batu."* Lalu aku ('Aishah) melakukannya. Kemudian baginda mengambil pisau itu dan mengambil biri-biri tersebut lalu dibaringkan untuk disembelih. Kemudian baginda menyebut: *"Dengan nama ALLAH, Ya ALLAH terimalah daripada Muhammad, kaum keluarga Muhammad dan umat Muhammad."* Kemudian baginda mengorbankannya.

(Riwayat Muslim, al-Nasa'i, Abu Daud, al-Tirmizi, Ibn Majah dan lain-lain)



Juga dalam hadis sebelum ini:

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ: شَهِدْتُ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْأَضْحَى بِالْمُصَلَّى، فَلَمَّا قَضَى خُطْبَتَهُ نَزَلَ مِنْ مِنْبَرِهِ وَأَتَى بِكَبْشٍ فَذَبَحَهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِيَدِهِ، وَقَالَ: «بِسْمِ اللَّهِ، وَاللَّهُ أَكْبَرُ، هَذَا عَنِّي، وَعَمَّنْ لَمْ يُضَحَّ مِنْ أُمَّتِي».

Daripada Jabir bin 'Abd Allah, beliau berkata: *"Aku menyaksikan pelaksanaan korban bersama Rasulullah s.a.w. di musolla (lapangan solat hari raya). Apabila baginda selesai khutbah, baginda turun dari mimbar, lalu dibawa kepada baginda seekor biri-biri. Maka, baginda menyembelihnya dengan tangan baginda dengan menyebut: "Dengan nama Allah, Allah Maha Besar. Ini daripadaku dan daripada sesiapa yang tidak melakukan korban dari kalangan umatku."*

(Riwayat Abu Daud, al-Tirmizi, Ibn Majah dan lain-lain -sahih-)

- b. Namun, sebutan nama orang yang melakukan korban ketika sembelihan bukanlah syarat sah korban. Beranggapan tukang sembelih wajib menghafal semua nama peserta korban sebelum menyembelih haiwan korban sebagai syarat

sah adalah tidak tepat. Sebenarnya, ia sesuatu yang sunnah untuk dilakukan. Jika tukang sembelih menyebut nama orang yang melakukan korban seperti berkata: “Ya ALLAH, ini korban daripada fulan bin fulan,” maka itu suatu yang baik, namun tidak wajib. Dia juga boleh mengingati nama mereka atau membaca catatan nama. Jika hanya dia menyebut: “Ya ALLAH, terimalah korban daripada mereka,” juga memadai. Jika dia tidak menyebut nama, tetapi empunya haiwan yang dikorbankan telah berniat korban, maka sah korbannya.

Penutup

Demikianlah beberapa kesilapan dan salah faham yang berlaku dalam pelaksanaan ibadah korban. Di sana ada lagi kesilapan-kesilapan yang lain, namun senarai yang disebutkan ini adalah yang kelihatan sering berlaku dan menjadi persoalan dalam kalangan masyarakat kita. Ini tidak menafikan kesilapan-kesilapan lain juga perlu diperbetulkan.

Kesilapan dalam sebarang ibadah berlaku atas beberapa sebab. Namun, sebab paling utama ialah kekurangan ilmu dalam perkara yang berkaitan. Di samping itu, niat yang tidak tulus juga boleh menyumbang kepada kesalahan berlaku dalam ibadah. Ini seperti kepentingan diri, ingin mengambil kesempatan atas sesuatu ibadah dan seumpamanya.

Justeru, Islam memerintahkan agar ibadah dibina atas niat yang ikhlas dan cara yang menepati ajaran Nabi s.a.w.

Kesilapan-kesilapan yang kita sebutkan tadi, ada yang berlaku tanpa sengaja atau terlepas pandang. Apa yang berlalu kita mengharapkan keampunan ALLAH dan penerimaan-Nya dengan kadar yang DIA kehendaki. DIA Maha Mengetahui keadaan setiap hamba-Nya.

Ini selaras dengan apa yang ALLAH SWT ajar dalam al-Quran, Surah al-Baqarah ayat 286 untuk kita berdoa:

﴿رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذْنَا إِنْ نَسِينَا أَوْ أَخْطَأْنَا﴾

[البَقَرَةُ : ٢٨٦]

Maksudnya: “Ya Tuhan kami, janganlah Engkau hukum kami jika kami lupa atau kami tersalah.”

Namun, ayat ini bukanlah keizinan untuk kita melakukan ibadah dengan cara yang salah. Sebaliknya, ALLAH SWT dan Rasul-Nya menyuruh kita menuntut ilmu untuk mencari kebenaran. Menjadi tanggungjawab setiap individu yang melakukan ibadah memastikan dia mengikut apa yang ditunjukkan oleh Nabi s.a.w. Andainya, dalam proses menuntut ilmu untuk mencari kebenaran dan fakta itu, berlaku kesilapan atau terlepas pandang, atau belum sampai ilmu tersebut, maka semoga ALLAH SWT mengampuni kita.

Kita percaya bahawa kebanyakan mereka yang tersilap dalam ibadah tidaklah menginginkan kesilapan tersebut. Kebanyakan mereka bersedia untuk mengikut cara yang sepatutnya apabila sampai kepada mereka maklumat yang mencukupi. Hanya yang mempunyai kepentingan sahaja yang menolak amalan yang berasaskan dalil. ALLAH SWT Maha Mengetahui siapakah yang mencari reda-Nya dan siapakah yang sebaliknya. DIA akan memutuskan segala hal ini pada hari kita bertemu-Nya nanti. Rahmat-Nya dekat kepada orang-orang yang berbuat baik.



**JABATAN MUFTI NEGERI PERLIS,
TINGKAT 1, BLOK A,
BANGUNAN DATO' MAHMUD MAT,
01000 KANGAR, PERLIS
TEL: 04-9794428
FAX: 04-9763844**



**MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT
MELAYU PERLIS (MAIPs),
A2, TAMAN PENGKALAN ASAM,
JALAN TUANKU SYED PUTRA,
01000 KANGAR, PERLIS
TEL: 04-9794439 / 04-9794434 / 04-9794438
FAX: 049782400**

ISBN 978-629-97076-3-9



9 786299 170763